

Sinar Harian m/s 30 Jabatan terima aduan pemancing isu ikan baung merah

15/2/2020

TEMERLOH- Jabatan Perikanan Pahang akan mengambil tindakan se-wajarnya berikutan beberapa spesies ikan eksotik seperti baung merah ditemui di beberapa lokasi di negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Azahari Othman berkata, jabatan ada menerima aduan daripada para pemancing berikutan kehadiran ikan tersebut.

Menurutnya, spesies ikan terbabit telah dibenarkan diternak namun dilarang dilepaskan di perairan umum seperti di sungai dan tasik.



AZAHARI

"Kita akan buat kajian dahulu dan lihat apa tindakan seterusnya yang boleh diambil sama ada menggalakkan penangkapan ikan ini secara besar-besaran atau menggunakan kaedah biologi serta mendapatkan khidmat pakar untuk mengawal ikan eksotik ini.

Terdapat beberapa kemungkinan menyebabkan ikan itu terlepas di perairan umum. Mungkin terlepas akibat bencana seperti banjir atau ada ban pecah. Terdapat juga kemungkinan ikan itu sengaja dilepaskan oleh pihak tidak bertang-



FOTO: MAJALAH UMPAN

Baung ekor merah dikategorikan sebagai ikan pemangsa yang akan mengganggu ekosistem perairan sekiranya berada dan membiak dalam perairan umum.

gungjawab," katanya.

Sebelum ini, terdapat aduan daripada kaki pancing yang

mendakwa ikan seperti baung merah ditemui di sesetengah kawasan di Sungai Pahang.

- Baung ekor merah/Asian redtail catfish atau nama saintifiknya *Hemibagrus wyckiooides* bukanlah ikan tempatan.
- Ia berasal dari Sungai Mekong, Vietnam dan turut dilaporkan terdapat di Sungai Chao Phraya, Mae Klong di Thailand.
- Ia dikategorikan sebagai ikan pemangsa yang akan mengganggu ekosistem perairan sekiranya berada dan membiak dalam perairan umum.
- Ikan ini agresif dan memakan pelbagai hidupan dalam air termasuk anak ikan dan udang. saiz matangnya mencapai berat puluhan kilogram.